

02 FEB 2002

Mustapa-Undang-undang

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG PERLU LEBIH BAIK, KATA MUSTAPA

PASIR MAS, 2 Feb (Bernama) -- Kerajaan perlu menguatkuasakan sepenuhnya undang-undang dan peraturan sedia ada bagi melindungi rakyat dan negara ini daripada ancaman pihak tertentu, kata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata tindakan untuk menguatkuasakan sesuatu undang-undang atau peraturan itu perlulah dilakukan dengan cepat sebelum keadaan menjadi parah.

"Kadangkala kita ada undang-undang dan peraturan tetapi kita tidak menguatkuasakannya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Aidilfitri di rumah Ketua Umno Bahagian Rantau Panjang Mohamed Zain Ismail di sini hari ini.

Mustapa berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan merancang memperkenalkan kurikulum bersepadu untuk sekolah agama, madrasah dan pondok di seluruh negara bagi mengelak pengajaran keagamaan diselewengkan.

Mustapa yang menyokong kenyataan Perdana Menteri itu berkata langkah kerajaan itu adalah untuk mengelakkan negara ini hancur akibat perbuatan pihak tertentu.

"...yang mustahaknya kita ada undang-undang...ada peraturan. Kita hendak mereka (sekolah agama) sampaikan ilmu Islam yang sebenar, kita tidak mahu negara ini hancur," katanya.

Mustapa berkata kegagalan untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan sepenuhnya telah mengundang masalah seperti kemasukan pendatang asing tanpa izin yang semakin serius.

"Macam masalah pendatang haram, dahulu hanya pendatang haram Indonesia dan sekarang ini (turut ada) pendatang warga Afrika," katanya.

Mustapa merujuk kepada kejadian kira-kira 200 warga Afrika yang ditahan polis dalam Ops Gagak Hitam di Kuala Lumpur semalam, bertindak liar ketika dalam perjalanan ke Depot Tahanan Imigresen Kemayan, Pahang sebelum lebih separuh daripada mereka melarikan diri.

Bagaimanapun kebanyakan yang melarikan diri berjaya ditangkap.

-- BERNAMA

BD RON